

03/09/2000

`Saya tidak kisah bagaimana rakyat mengingati saya'

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak kisah bagaimana rakyat harus mengingatnya selepas bersara daripada politik nanti kerana yang penting beliau sudah memberi khidmat sebaik mungkin bagi memajukan negara ini.

"Saya juga tak kisah sangat apa yang mereka fikir mengenai saya. Yang penting ialah sama ada saya sudah memberi khidmat kepada mereka (rakyat) dengan cemerlang atau tidak," katanya dalam temu ramah khas dengan Stesen TVBS Asia yang disiarkan melalui Astro, malam tadi.

Perdana Menteri menjawab soalan pengacara Grace Chen dalam rancangan selama 30 minit itu yang bertanya sama ada beliau mahu rakyat mengingatnya apabila bersara nanti.

Seterusnya, Dr Mahathir berkata: "Walaupun mereka tidak mengiktiraf (sumbangannya) ia tak kisah kerana tiba masa anda bersara, kemudian anda akan mati... apa bezanya mengenai apa yang rakyat fikir tentang anda. Sudah tentu ada yang sokong dan ada tidak. Ada yang puji dan yang lain akan kutuk."

Dalam temu ramah yang dirakamkan dua minggu lalu itu, Chen mengemukakan pelbagai soalan termasuk soal hubungan China dan Taiwan, kegawatan ekonomi serantau yang tercetus pada 1997, saingan ekonomi Malaysia, isu Perdana Menteri keturunan Cina dan mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengenai kes Anwar, Dr Mahathir menjelaskan sesiapa saja termasuk pemimpin kerajaan di Malaysia yang melakukan kesalahan akan didakwa kerana sebelum ini beberapa pemimpin turut didakwa serta dihukum termasuk seorang dijatuhi hukuman mati.

"Di dalam negara ini, mana-mana pemimpin yang membuat kesalahan harus bersedia menerima kesannya. Kes Anwar adalah sama seperti pemimpin lain di negara ini dan kami menganggapnya sebagai perkara biasa," katanya.

Ditanya apa perkara yang dikesalnya sepanjang memimpin Malaysia selama lebih 18 tahun, Dr Mahathir berkata:

"Saya tidak kesal... saya mungkin melakukan beberapa kesilapan misalnya menggalakkan industri keluli, saya membenarkan puak ekstrim untuk wujud di negara ini."

Beliau juga berkata Malaysia belum bersedia mempunyai seorang Perdana Menteri daripada keturunan Cina kerana perasaan perkauman di antara kaum masih kuat.

Selain itu, Dr Mahathir Mohamad turut mendedahkan sesetengah pelabur asing marah kepada Malaysia kerana mereka tidak dibenar membeli dan memiliki 100 peratus ekuiti dalam syarikat industri tempatan.

Katanya, sudah menjadi dasar negara ini untuk tidak menjual 100 peratus pemilikan kepada warga asing tetapi sebaliknya, pemilikan ekuiti mereka dihadkan kepada hanya 30 peratus.

"Oleh itu, mereka tidak senang hati kerana (matlamat) mereka mahu mengambil segalanya, memiliki segalanya... membawa masuk wang dan (kemudian) mengeluarkan semuanya dari Malaysia.

"Sebaliknya, kita terpaksa pula memikirkan soal kepentingan negara, bagaimana membangunkan negara bukan semata-mata soal pasaran untuk masyarakat antarabangsa," katanya.

Dr Mahathir berkata, sesetengah masyarakat Barat suka mengkritik Malaysia apabila melaksanakan beberapa dasar seperti penswastan dan persyarikatan Malaysia.

Katanya, apabila sesuatu projek itu diberi kepada orang tertentu, maka

kerajaan dituduh mengamalkan kronisme meskipun langkah itu dibuat semata-mata kerana kebolehan seseorang mengendalikannya.

Beliau berkata, masyarakat Barat gagal memahami mengapa negara mundur seperti Malaysia tiba-tiba boleh maju dan pada masa yang sama mahu mendapatkan kekayaan ekonomi dari Malaysia.

Katanya, dasar persyarikat Malaysia adalah lahir hasil daripada kerjasama kerajaan dan sektor swasta dan apa saja yang dilakukan oleh kedua-dua sektor terbabit akan memberi kesan kepada pembangunan negara.

"Kita bekerjasama baik semua orang. Sudah tentu (dalam proses itu) kita mengenali orang tetapi dia bukan kroni, kita tidak mengamalkan pilih kasih," katanya.

(END)